

Ke arah Subsidi Sebagai Alat Pembangunan Ekonomi

oleh Dr Zulkipli Omar

Fello Penyelidik Kanan

Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)¹

Secara umumnya subsidi merupakan bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada sektor ekonomi termasuk institusi, badan perniagaan atau individu. Ianya merupakan satu kaedah sosioekonomi untuk kepentingan umum. Dari perspektif ekonomi, subsidi boleh berfungsi sebagai alat untuk menggalakkan pembangunan. Manakala, dari sudut individu subsidi mampu meningkatkan kesejahteraan hidup terutama kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Salah satu tugas kerajaan adalah untuk menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi. Ini dilakukan tanpa campur tangan secara terus di dalam ekonomi pasaran bebas. Ekonomi dianggap lebih efisien tanpa campur tangan kerajaan secara terus. Namun demikian, di dalam situasi sebenar terdapat kepincangan pasaran di sana sini yang memerlukan campur tangan kerajaan untuk mengagihkan kekayaan negara kepada umum supaya tiada golongan terpinggir.

Kebanyakan negara di dunia menggunakan subsidi sama ada sebagai alat untuk membantu pertumbuhan ekonomi atau sebagai alat untuk pengagihan kekayaan negara, atau kedua-duanya secara serentak. Dua sasaran utama subsidi adalah dari sudut penggunaan dan pengeluaran. Dari sudut penggunaan, para pengguna yang terbabit mendapat manfaat terus sama ada melalui subsidi harga atau pendapatan.

Melalui subsidi harga, kerajaan campur tangan di dalam pasaran dengan menetapkan harga siling ke atas sesuatu barangan atau perkhidmatan untuk memastikan harganya tidak terlampau mahal. Harga siling ini adalah di bawah harga keseimbangan di dalam pasaran. Biasanya barangan atau perkhidmatan yang dikawal harga sebegini merupakan barangan atau perkhidmatan yang penting kepada umum. Maka fungsi subsidi harga seumpama ini adalah lebih kepada objektif kesejahteraan untuk rakyat

¹ Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

melalui fungsi pengagihan kekayaan negara oleh kerajaan. Perlu diingat dasar ini adalah apa yang dipanggil “kedua terbaik” kerana ianya mengganggu perjalanan pasaran. Dasar terbaik adalah tanpa campur tangan kerana pasaran akan menjadi lebih efisien.

Dari sudut pendapatan pula, subsidi biasanya merupakan pemberian terus kewangan dari kerajaan kepada kumpulan sasar. Pemberian ini sama ada dalam bentuk wang atau barangan atau perkhidmatan yang boleh dinilai sebagai pendapatan umpamanya, perkhidmatan kesihatan dan pendidikan secara percuma atau harga yang rendah di bawah harga pasaran.

Manakala subsidi pengeluaran diberi kepada pengeluar untuk menggalakkan pengeluaran. Ianya biasa diberi kepada pengeluar komoditi pertanian terutama untuk pengeluaran makanan. Walau bagaimanapun, ianya juga boleh diberi kepada lain-lain pengeluaran bukan pertanian. Pelbagai kaedah boleh digunakan seperti kerajaan meletakkan harga siling untuk barangan input atau harga lantai untuk barangan akhir yang dikeluarkan. Malah pemberian tunai secara terus kepada pengusaha juga boleh dilakukan untuk menampung pendapatan pengeluar. Antara komoditi pertanian yang terdedah kepada subsidi di Malaysia adalah padi. Tujuan utama adalah untuk memastikan pengeluaran beras negara berada diparas sara diri yang mencukupi, berdasarkan keselamatan makanan negara.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia telah berjaya melaksanakan dasar subsidi meliputi semua tujuan yang dijelaskan di atas. Pendapatan rakyat jelata telah meningkat dan harga barangan penggunaan dan perkhidmatan utama berada diparas kemampuan. Kadar kemiskinan telah menurun sehingga berada pada kadar 0.6 peratus pada tahun 2014 berbanding dengan kadar melebihi 20 peratus pada awal dekad 1980an.

Jadi persoalan utama yang bermain di fikiran umum adalah tentang keperluan dasar subsidi kini. Lebih tepat lagi, perlukah dasar subsidi ini diteruskan setelah ianya dilihat mampu mencorakkan pembangunan ekonomi sehingga di mana kita berada kini? Jawapannya terletak pada hakikat bahawa dasar subsidi adalah bersifat “kedua terbaik” seperti dijelaskan di atas. Justeru, sudah pasti dasar terbaik, yakni tanpa campur

tangan kerajaan, mempunyai potensi untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

Maka, umum perlu mempunyai kesedaran bahawa keperluan subsidi paling baik pun adalah bersifat sementara. Kita perlu kembali kepada dasar tanpa campur tangan untuk menjamin kecekapan fungsi ekonomi, seterusnya meningkatkan kadar pertumbuhan ekonomi. Kesan akhirnya adalah kesejahteraan rakyat jelata mampu berada pada tahap yang lebih baik. Campur tangan kerajaan perlu dihadkan kepada menggalakkan pertumbuhan ekonomi dengan menyediakan persekitaran yang kondusif dan memastikan kecekapan pasaran.

Di dalam perjalanan menuju ke arah negara maju, sudah pasti kita perlu berubah kepada dasar yang lebih setimpal dengan tahap sebuah negara maju. Kecekapan ekonomi adalah amat penting di dalam menempuh cabaran sebagai sebuah negara maju. Negara sekarang berada di persimpangan antara memaksimumkan pembahagian kekayaan negara sekarang atau melaburkan sebahagian untuk kebaikan masa hadapan. Maka dilema ini perlu di rungkai sekarang, di mana sedikit pengorbanan sekarang memberi manfaat yang besar di masa hadapan.

Penyelesaian jangka panjang berkenaan dengan isu peningkatan kos sara hidup yang dirasai kini adalah melalui peningkatan pendapatan, bukan semata-mata dengan pengurangan subsidi. Peningkatan pendapatan isi rumah jangka panjang mampu ditingkatkan dengan peningkatan produktiviti. Maka sebuah ekonomi yang efisien adalah amat penting untuk penyelesaian jangka panjang ini.

Pada tahun 2015, pampasan pekerja di Malaysia adalah sebanyak 34.8 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK). Kadar ini adalah rendah berbanding dengan negara-negara maju. Pampasan pekerja yang rendah ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan produktiviti buruh yang perlahan. Maka produktiviti buruh perlu ditingkatkan dengan memastikan suatu sistem ekonomi yang efisien.

Pendapatan isi rumah kini juga terdapat banyak elemen subsidi. Pada tahun 2014, 7.6 peratus daripada pendapatan isi rumah di Malaysia terdiri dari pelbagai bentuk subsidi

oleh kerajaan. Malah ianya lebih tinggi untuk isi rumah golongan 40 peratus terbawah (B40), iaitu sebanyak 18.8 peratus.

Hala tuju strategik yang perlu diambil di persimpangan jalan kini adalah dengan mengagih semula peruntukan pelbagai subsidi berbentuk sokongan harga pengguna dan penambahan pendapatan oleh kerajaan ke arah strategi untuk menggalakkan pengeluaran, sama ada melalui peningkatan teknologi atau kecekapan sistem pengeluaran dan pengagihan.